



TEKS UCAPAN

**YBHG. DATUK ZAINAL ABIDIN BIN ABU HASSAN
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN
INOVASI (MOSTI)**

BAGI

**MAJLIS PERASMIAN
PAMERAN PERDANA TEKNOLOGI NUKLEAR 2021**

13 DISEMBER 2021 (ISNIN)

YBrs. Ts. Dr. Siti A'iasah binti Hashim

Ketua Pengarah, Agensi Nuklear Malaysia

YBrs. Dr. Abdul Rahim bin Harun

Timbalan Ketua Pengarah,

Program Penyelidikan dan Pembangunan Teknologi,

YBrs. Dr. Rosli bin Darmawan

Timbalan Ketua Pengarah,

Program Perkhidmatan Teknikal,

YBrs. Encik Mohd. Sidek bin Othman

Pengarah Kanan

Program Pengkomersilan dan Perancangan Teknologi

YBrs. Dr. Muhammad Rawi bin Muhamed Zin

Pengarah Kanan

Program Pengurusan

Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi

Wakil Industri dan pemegang taruh

Para jemputan yang saya hormati sekalian

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum w.b.t, Salam Sejahtera & Salam Keluarga Malaysia,

1. Terlebih dahulu, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, dapat kita bersama-sama bagi menjayakan Program Pameran Perdana Teknologi Nuklear 2021 yang diadakan sepenuhnya secara dalam talian.
2. Syabas kepada Agensi Nuklear Malaysia kerana menyediakan platform untuk para penyelidik mempamerkan hasil penyelidikan di samping dapat memupuk jaringan kerjasama antara semua pemegang taruh, khususnya antara institusi penyelidikan, institusi pengajian tinggi dan pihak industri serta masyarakat.
3. YB Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yakin usaha yang dibuat ini merupakan salah satu landasan yang baik bagi perkongsian pintar yang melibatkan pembentangan teknikal, penambahbaikan kaedah, prasarana dan pengurusan berkaitan aktiviti penyelidikan dan pembangunan nuklear yang akan meningkatkan kualiti di samping

memberi impak positif kepada pembangunan dan perkembangan ilmu industri dalam pelbagai bidang yang melibatkan teknologi nuklear.

4. Melalui program ini, selain mempamerkan pencapaian aktiviti teras Nuklear Malaysia, iaitu Pembangunan dan Penyelidikan (R&D) dalam bidang Sains dan Teknologi Nuklear, pemegang taruh juga berpeluang untuk menilai pencapaian berkenaan serta turut mendapat maklumat yang terkini mengenai satu lagi fungsi utama Nuklear Malaysia, iaitu sebagai pembekal perkhidmatan saintifik.

Hadirin sekalian,

5. Program Pameran Perdana Teknologi Nuklear 2021 ini merupakan acara dwi-tahunan yang dianjurkan oleh pihak Nuklear Malaysia yang mana pada tahun ini turut menggabungkan 4 aktiviti utama Nuklear Malaysia yang lain iaitu Hari Pengurusan Pengetahuan Nuklear Malaysia 2021, Hari Inovasi & Kreativiti Nuklear Malaysia 2021, Hari Pelanggan Nuklear Malaysia 2021 serta program Simposium Pengurusan Kualiti 2021.

6. Saya telah dimaklumkan bahawa terdapat juga aktiviti pameran yang diadakan secara maya sepanjang program ini dilaksanakan dengan penyediaan sebanyak 33 ruang petak pameran inovasi dan kreativiti, 24 ruang petak pameran produk dan khidmat serta pameran poster Pengurusan Pengetahuan daripada 14 Bahagian di Nuklear Malaysia.
7. Program-program yang dianjurkan ini bertujuan untuk mengetengahkan hasil-hasil pembangunan dan penyelidikan oleh pegawai penyelidik Nuklear Malaysia melalui pembentangan kertas kerja yang dapat meningkat pengetahuan dan kemahiran para penyelidik Nuklear Malaysia dalam bidang pembangunan dan penyelidikan yang dijalankan.
8. Saya turut dimaklumkan bahawa sempena program ini juga, pertukaran dokumen Memorandum Persefahaman dan Kerjasama di antara Nuklear Malaysia bersama rakan strategik mengenai pengkomersilan produk pembangunan dan penyelidikan Nuklear Malaysia akan dilaksanakan. Dengan itu, saya menyarankan supaya Nuklear Malaysia terus meneroka peluang kerjasama dengan pihak akademik dan pihak swasta dalam menjalankan aktiviti penyelidikan,

pembangunan, pengkomersilan dan inovasi demi untuk membangunkan Malaysia ke arah sebuah negara yang mengutamakan pembangunan sains, teknologi dan inovasi.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

9. YB Dato' Sri Dr. Adham bin Baba, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi dalam sesi temubual beliau bersama Buletin Utama di TV3 baru-baru ini sempena Aspriasi Keluarga Malaysia 100 Hari telah menyatakan bahawa MOSTI komited dalam memacu dan memulihkan ekonomi pasca pandemik menerusi Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) dan memastikan pembudayaan STI diperkasakan agar lebih dekat di hati Keluarga Malaysia dalam pelbagai lapisan masyarakat.
10. Dalam konteks ini, peranan MOSTI amnya dan Nuklear Malaysia khususnya amat penting dalam merangka strategi Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan dan Inovasi (R&D&C&I) melalui pembangunan dan pembudayaan STI dalam kalangan Keluarga Malaysia.

11. Salah satunya adalah pelancaran benih padi IS21 oleh YAB Perdana Menteri pada 20 November 2021 yang lepas di Sekinchan Selangor. Ini merupakan salah satu contoh yang dapat dilihat hasil dari penyelidikan Nuklear Malaysia dengan menggunakan teknologi baharu yang dijalankan secara usahasama dengan rakan industri sehingga mampu memberikan manfaat kepada lebih 15,000 pesawah di seluruh negara demi meningkatkan kesejahteraan Keluarga Malaysia serta memperkasakan sekuriti dan nutrisi makanan. Sekali lagi, syabas dan tahniah diucapkan.

12. Diharapkan dengan aspirasi ini, Nuklear Malaysia akan sentiasa berkembang dan progresif seiring dengan hala tuju kementerian dan negara. Saya berasa bangga dengan kejayaan dan kegigihan Nuklear Malaysia yang telah menghasilkan pelbagai produk pembangunan dan penyelidikan serta menawarkan perkhidmatan saintifik. Saya percaya pendekatan ini sedang diperkukuhkan oleh Jabatan/Agensi lain di bawah MOSTI untuk meningkatkan keyakinan dan kepercayaan pemegang taruh dan pelanggan ke atas tahap sistem penyampaian perkhidmatan Jabatan dan Agensi Kerajaan.

13. MOSTI percaya, Agensi Nuklear Malaysia akan dapat terus tampil menjulang nama dengan hasil penyelidikan dalam jangka masa pendek dan jangka masa panjang bagi merancakkan perkembangan ekonomi dan kesejahteraan rakyat.

14. Semoga program seumpama ini dapat meningkatkan pembangunan modal insan dan mengiktiraf sumbangan para penyelidik, ahli akademik serta individu dalam mempromosi sains dan teknologi terutamanya dalam bidang penyelidikan teknologi nuklear serta dimanfaatkan sepenuhnya oleh para penyelidik dari Nuklear Malaysia untuk mengetengahkan hasil pembangunan dan penyelidikan Nuklear Malaysia yang boleh dikomersialkan.

Hadirin sekalian,

15. Mengakhiri ucapan, saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada para penyelidik Nuklear Malaysia atas kejayaan menerbitkan sebanyak dua (2) buah buku baharu berkaitan dengan kecemerlangan, reaktor dan teknologi nuklear dan juga penghasilan

dua (2) produk baharu Nuklear Malaysia yang akan dilancarkan sebentar nanti.

16. Dengan lafaz BISMILLAHHIRRAHMANIRRAHIM dengan ini saya merasmikan Program Pameran Perdana Teknologi Nuklear 2021

SEKIAN,

WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHIWABAROKATUH

TERIMA KASIH